

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH (TAMBUN)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 17.11.2016

Y.B. DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah 1MDB dan SRC mencapai matlamat penubuhannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1MDB telah ditubuhkan untuk menerajui projek pembangunan strategik Kerajaan untuk mengambil peluang ke atas pelaburan serta kepakaran domestik dan antarabangsa bagi melabur dalam projek

yang mempunyai nilai pelanggan yang tinggi dan berinovasi.

Manakala,

Objektif penubuhan SRC ialah untuk mengenal pasti dan melabur dalam projek yang berkaitan dengan eksplorasi, ekstraksi, pemprosesan, perkhidmatan logistik dan *trading* sumber tenaga konvensional dan *renewable* termasuk segala aktiviti yang berkaitan.